

## **Teknik Penerapan Serapan Arab dalam Bahasa Melayu Berpandukan Durus Al-Lughah Al-Arabiyah**

**Makmur Harun<sup>1</sup>, Mohd Kasturi Nor Bin Abd Aziz<sup>2\*</sup>, Murul Azizah<sup>3</sup>, Mur Faaizah Binti Md Adam<sup>4</sup>, dan Ita Rahmania Kusumawati<sup>5</sup>**

<sup>1,4</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),  
35900 Tanjong Malim, Perak-Darul Ridzuan, Malaysia.

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP),  
01000 Kangar, Perlis, Malaysia

<sup>3</sup>Pasca Sarjana, Universitas Ibrahimy, Universitas Ibrahimy, Situbondo, Jawa Timur, Indonesia

<sup>5</sup>Fakultas Sains Sosial, Universitas Hasyim Asy'ari, Jombang, Jawa Timur, Indonesia  
makmur@fbk.upsi.edu.my, kasturi@unimap.edu.my, nurulazizah@ibrahimiy.ac.id.  
itajombang111@gmail.com

### **ABSTRAK**

Bahasa Arab menyerap ke dalam pelbagai bahasa lainnya di dunia terutama mayoritas penduduk yang beragama Islam, lalu melebur menjadi bahasa pertuturan sebagai alat komunikasi. Berbagai istilah Arab digunakan dalam berkomunikasi dari hasil sentuhan bahasa dan sasteranya yang tinggi sesuai dengan lisan penuturnya termasuk dalam bahasa Melayu. Penerapan serapan bahasa Arab menggunakan kaedah durus al-lughah al-Arabiyah di sekolah atau pondok pesantren di Nusantara telah menjadikan pelajaran bahasa Arab ini sangat dirasakan kesannya bagi bukan penutur Arab. Bahkan ia tidak hanya sekedar sebagai bahasa perantara semata-mata, tetapi juga menjadi bahasa komunikasi yang digunakan penutur asing lainnya dalam sastera, ilmu, media, sejarah, hukum, ekonomi, sosial, seni, budaya dan sebagainya, sebagai apresiasi peradaban masyarakat Islam setempat yang sekaligus menjadi corak, simbol, falsafah dan bentuk bahasanya. Oleh sebab itu, ada banyak kaedah pengajaran serapan bahasa Arab yang digunakan dalam bahasa lain dengan menggunakan pola-pola tertentu sehingga memudahkan penggunaannya dalam mempelajarinya. Maka dengan menggunakan panduan Durus al-Lughah al-Arabiyah, dapat dijadikan satu cara pembelajaran serapan bahasa Arab yang lebih mudah dan berkesan digunakan dalam bahasa Melayu, bahkan mampu disesuaikan penggunaannya secara lisan dan tulisan. **Objektif** kajian ini ingin menganalisis penerapan serapan bahasa Arab dalam bahasa Melayu berkaedah durus al-lughah al-Arabiyah. **Metodologi** kajian yang digunakan juga turut dikembangkan melalui kajian perpustakaan dengan pelbagai bentuk kaedah, teori dan pola tertentu sebagai saluran mudah untuk memahaminya lebih mendasar berbentuk teori dan peraktekannya. Sebagai **inflikasi** kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelajar dalam mengenal penggunaan serapan Arab yang terserap dalam bahasa Melayu berkaedah tertentu bagi penutur asing di dunia Islam.

**Kata kunci:** Teknik penerapan, serapan Arab, Bahasa Melayu, Durus al-Lughah al-Arabiyah

### **PENDAHULUAN**

Salah satu bahasa terpenting yang sangat perlu untuk kita pelajari adalah bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran dan al-Hadits. Al-Quran merupakan kitab pedoman umat Islam yang menunjukkan tanda atau isyarat tentang ilmu pengetahuan yang ditulis menggunakan bahasa Arab (Naik, 1997). Maka tidak dapat dipungkiri, pendalaman bahasa Arab sangat diperlukan untuk menambah pengetahuan dan pemahaman wajib bagi seorang Muslim (Andriani, 2015). Maka dengan mengetahui bahasa Arab, kita akan mudah mengetahui apa makna dan maksud yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Hadits. Bahkan ada banyak buku yang

ditulis para ulama, dan beragam literatur berbahasa Arab yang menyebar luas di dunia ini. Sebagaimana dalam Surat Yusuf, ayat 12 telah dinyatakan, bahwa Allah berfirman: “Sesungguhnya kami menurunkan berupa alQuran dengan bahasa Arab, agar kamu memahaminya” (QS. Yusuf 12: 2).

Kemudian bahasa Arab sebagai bahasa alQuran, terus menyerap masuk ke dalam pelbagai bahasa lainnya di dunia selalu melebur menjadi bahasa pertuturan lisan atau tulisan sebagai alat berkomunikasi antara satu dengan lainnya. Berbagai istilah Arab telah digunakan dalam berkomunikasi dari hasil sentuhan sastranya yang tinggi sesuai dengan lisan penuturnya termasuk yang digunakan di dunia Islam seluruh dunia. Perkembangan bahasa Arab ini terus meluas penggunaannya sehingga tidak lagi hanya sekedar sebagai bahasa perantara semata-mata tetapi juga menjadi serapan bahasa yang diterimapakai melalui perantara ilmu, tulisan kitab, pembahasan agama, pertuturan sastra, penerapan hukum, perantara ekonomi, pengembang seni dan budaya masyarakatnya dan lain sebagainya. Maka munculnya perubahan aksara yang terserap ke dalam bahasa asing bukan penutur Arab, terbukti dengan adanya peranan tulisan Arab yang juga menjadi tulisan peting dari al-Quran dan al-al-Hadits. Hal ini memastikan betapa banyaknya pengaruh bahasa Arab dalam dunia Islam melalui kedua kitab suci tersebut yang perlu dipelajari.

Bagi pelajar yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab sama sekali, atau buat para guru yang mengajarkan pelajaran bahasa Arab ini agar dapat mengenal adakah kata serapan dalam bahasa Arabnya, atau itu berasal dari bahasa lain, hendaklah melihat kamus yang biasanya ada menyebutkan asal sesebuah perkataan tersebut. Jika yang ditujuk adalah bahasa Melayu dan Indonesia, maka perlu melihat lebih tepatnya kepada kamus Besar Bahasa Indonesia dan kamus Dewan Bahasa atau kamus Etimologikal Melayu. Selalunya di ujung perkataan berkenaan diletakkan singkatan seperti perkataan (A) atau (Ar); maksudnya berasal dari bahasa Arab. Yang menjadi kendala adalah, kadang kita tidak tahu sumber rujukan atau buku mana yang baik untuk belajar bahasa arab. Yang pasti, tentunya yang terbaik adalah perlu belajar langsung di negeri Arab, jika tidak mungkin belajarlah pada guru atau ustadz yang menguasai bahasa Arab tersebut baik secara lisan maupun tulisan. Kemudian belajarlah secara autodidak, dengan belajar sendiri kurang digalakkan, karena selain rentan salah juga lambat dalam proses pembelajarannya. Terakhir, berusaha belajar bahasa Arab ini dengan berpandukan modul atau kaedah pengajaran berkesan.

Oleh itu, bagi seorang guru dan pengajar pula, diharuskan untuk menguasai salah satu kaedah tertentu sebagai panduan pengajaran bahasa Arab yang berkesan. Ada banyak teknik, panduan dan kaedah pengajaran yang telah digunakan dalam mengajar bahasa Arab yang menyebar hampir di seluruh wilayah Islam. Di antaranya adalah *Manahij Tadris al-Lughah al-Arabiyyah bi al-Ta'lim al-Asasi*, yaitu satu metode pembelajaran bahasa Arab dengan pengajarannya yang mendasar, ini banyak digunakan di sekolah-sekolah ibtidaiyah dan sekolah dasar di negara-negara bukan penutur jati bahasa Arab; *Durus al-Lughah al-Arabiyyah al-Gontoriyah*, yaitu cara dan metode pengajaran yang menjadi pelajaran penting di Pondok Modern “Darussalam” Gontor, Ponorogo, Jawa Timur dan pondok-pondok pesantren lainnya di Indoensia, dan juga sekolah atau pondok yang menyebar luas di kawasan Asia Tenggara. Sedangkan *Durus alLughah al-Arabiyyah* yang juga dikenal buku Madinah. Metode dan kaedah ini, merupakan buku panduan yang banyak digunakan untuk belajar bahasa Arab bagi bangsa asing bukan penutur Arab menyebar luas di dunia Islam.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian berkaitan teknik penerapan serapan Arab dalam bahasa Melayu berpandukan kaedah pembelajaran bahasa Arab iaitu *Durus al-Lughah al-Arabiyah Li Ghairi Natiqina Biha*. Pengkaji cuba mengangkat hal tersebut kerana memiliki kaedah komunikasi bahasa yang tinggi yang mampu menjadikan sebagai alat bantuan semasa ingin memahami bahasa lain termasuk bahasa Melayu dan tulisan Jawinya. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa peranan buku *Durus al-Lughah al-Arabiyah Li Ghairi Natiqina Biha* dalam komunikasi harian dan pembelajaran dilihat boleh mempengaruhi tahap kemahiran diri para pelajar. Selain itu, kajian tersebut sememangnya dapat dijadikan rujukan bagi memperlihatkan faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa serapan yang digunakan dalam kalangan pelajar khususnya dan masyarakat Melayu amnya.

Teknik dan metode yang ada dalam buku *Durus al-Lughah al-Arabiyah Li Ghairi Natiqina Biha* adalah karya Syaikh Prof. Dr. V. Abdur Raheem, merupakan seorang professor bahasa Arab di Universitas Islam Madinah, Kerajaan Saudi Arabiyah. Buku panduan belajar bahasa Arab ini dikenal juga sebagai Manhaj Madinah atau buku Madinah. Kelebihannya adalah sangat komprehensif dan mudah diikuti bahasanya. Pelajaranpelajaran awal dimulai dengan percakapan dan ilustrasi sehingga memudahkan pemahaman bagi yang mempelajarinya. Selanjutnya barulah memasuki materi Nahwu dan Sharaf untuk pelajaran yang lebih mendalam tentang penstrukturan pemahaman bahasa Arab.

Semua ini disesuaikan dengan kurikulum yang dipakai di Universitas Islam Madinah pada tahap i'dad allughawi (persiapan bahasa) bagi pelajar-pelajar bukan penutur Arab yang dianggap sebagai penutur asing. Pembelajaran metode ini tersedia untuk didownload dan dapat dipelajari secara online dengan keizinan dan kebaikan dari penulisnya, Syaikh Dr. V. Abdur Raheem, *melalui satu pesan* "This book is being made available for download by kind permission from the author, Shaykh Dr. V. Abdur-Raheem". Semoga Allah memberikan beliau balasan yang melimpah ruah atas kebaikannya tersebut, sehingga buku tersebut bisa didownload secara online untuk para pelajar di seluruh dunia (Wesite, fatwaonline, 7 Agustus 2017).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ingin menganalisis secara mendalam metode atau cara dan panduan pengajaran juga pembelajaran bahasa Arab dalam penerapan serapan Arab dalam bahasa Melayu berpandukan kaedah pembelajaran bahasa Arab iaitu *Durus al-Lughah al-Arabiyah Li Ghairi Natiqina Biha* melalui pengajaran dan pembelajaran, sebagai pengenalan pola-pola pengajaran berkesan bahasa Arab yang terserap ke dalam bahasa asing yang bukan penutur asli Arab termasuk dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawinya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian yang digunakan dalam mengangkat khazanah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang terserap ke dalam bahasa asing bukan penutur asli Arab, dengan menggunakan analisis pendalaman menggunakan sistem dan teknik *Durus al-Lughah al-Arabiyah Li Ghairi Natiqina Biha*. Selain itu, juga turut dikembangkan melalui kajian dengan merujuk kepada beberapa perpustakaan dalam menyokong hasil dapatan kajian yang telah dijalankan sehingga menjadi satu kesimpulan yang dapat digunakan oleh para pengkaji lainnya. Selain itu, kajian juga diperbagaikan melalui kajian turut dikembangkan melalui kajian perpustakaan dengan pelbagai bentuk kaedah, teori dan pola tertentu sebagai saluran mudah untuk memahaminya lebih mendasar berbentuk teori dan perakteknya.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### Penyerapan Bahasa Arab ke Bahasa di Asia Tenggara

Pada peringkat awal di Asia Tenggara, tulisan dianggap sebagai kekuatan mistik dan ketuhanan karena ia dianggap perkara yang unik dan tidak banyak dari kalangan rakyat yang menguasainya. Wujudnya beberapa kerajaan di bumi Nusantara seperti Sriwijaya, Majapahit, dan Kerajaan Melayu pada zaman pra-Islam sudah tentu memerlukan sistem tulisan untuk melancarkan urusan pemerintahan negara dan perhubungan luar negeri mereka. Hal demikian terjadi karena Sriwijaya misalnya merupakan sebuah kerajaan besar yang bergantung kepada lautan dan menjadi *Maritim power*. Justru, mereka banyak berhubung dengan masyarakat asing melalui Selat Melaka dan Laut Cina Selatan dalam urusan perdagangan untuk melancarkan perekonomian mereka.

Sedangkan peringkat pertama kedatangan Islam ke Tanah Melayu, yaitu kira-kira pada abad ke-12 dan 13 M, masyarakat Melayu tidak mencipta tulisan Arab Melayu atau Jawi serta-merta. Sebaliknya, mereka perlu menggunakan skrip Jawi yang telah ada bagi tujuan penulisan. Wujudnya batu Prasasti Terengganu merupakan dokumen awal bukti penggunaan tulisan Arab Melayu di Nusantara. Menurut Muhammad Naquib alAttas (2012), batu prasasti tersebut ditulis pada tahun 702 H, bersamaan dengan tahun 1303 M. Prasasti ini merupakan batu bertulis Melayu tertua bertulisan Arab Melayu sepenuhnya yang dapat dilihat sehingga kini. Manuskrip Melayu tertua ini tertanda 998 H bersamaan 1590 M. Kandungan prasasti tersebut menekankan hukum-hukum fiqih, juga menggunakan tulisan Arab Melayu lama, merupakan satu terjemahan dari kitab agama yang berjudul *'Aqa'id al-Nasafi*. Bukti ini dijadikan tanda bukti nyata kewujudan penggunaan Arab Melayu secara bertahap sejak berzaman lamanya. Selanjutnya sejak agama Islam mula bertapak di Nusantara, tulisan Arab Melayu mulai berkembang dan hidup bersama masyarakatnya. Menurut catatan sejarah, tulisan ini pertama ditemui di Tanah Melayu pada abad ketiga Hijriah. Tulisan ini muncul seiring dengan kedatangan Islam ke Indonesia pada abad pertama Hijriah. Kedatangan Islam ke Indonesia mengubah kehidupan masyarakat dengan meninggalkan amalan-animisme dan mengambil Islam sebagai satu cara hidup. Budaya ilmu yang dibawa oleh Islam telah mengeluarkan mereka dari kejahilan kepada kebenaran. Tulisan Arab memainkan peranan penting bagi mendukung perkembangan Islam. Perkembangan dan penguasaan tulisan ini di Indonesia dan Malaysia mengambil masa yang lama disebabkan masyarakat setempat yang sudah sejiwa dengan kepercayaan dari pengaruh agama Hindu-Budha. Namun, penerimaan Islam menjadikan penduduk setempat dapat menguasai tulisan tersebut dengan cepat.

Sebelum wujudnya tulisan ini di Alam Melayu, sebetulnya telah muncul satu bentuk tulisan dari pengaruh Dewanegara yang digunakan oleh orang Pallava di India dan negri-negri lain seperti di Sumatra Selatan, Campa, Ligor dan Jawa. Bukti wujudnya tulisan Pallava dapat dilihat pada Prasasti Kota Kapor di Bangka, Sumatra Selatan yang wujud pada abad ketujuh Masehi. Selain di Kota Kapor, terdapat juga bukti penggunaan tulisan Pallava seperti di Sajametra, Manju Shriga, Bukateja, Syang Hyang Winbtang dan Dangpu Hawang Glis di kawasan India.

Selain Pallava, terdapat sejenis tulisan lain yang ditemui di Sumatra, yaitu tulisan Rencong atau Rencang. Tulisan ini digunakan secara meluas di daerah Sumatra Utara dan Sumatra Selatan seperti Jambi, Bengkulu, Sumatra Barat dan Tapanuli. Tulisan ini digunakan untuk merekamkan cerita rakyat, peraturan, adat, soal keagamaan dan hal-hal lainnya. Di Pulau Jawa pula, terdapat tulisan Jawa Kuno yang dikenali sebagai tulisan Kawi. Perkataan Kawi yang diambil dari perkataan Sangsekerta bermakna penyair. Tulisan ini digunakan secara meluas di Jawa dengan beberapa penyesuaian terutama bagi menghasilkan kesusasteraan Jawa.

Oleh sebab itu, dengan kedatangan bahasa Arab yang lazimnya menjadi asas tulisan Arab Melayu ini dikaitkan dengan agama Islam. Walaupun kedatangan agama Islam ke Nusantara masih banyak pendapat yang berbeda, namun terdapat beberapa buah prasasti sebagai bukti kuat yang

menunjukkan bahwa Islam wujud di Asia Tenggara sejak lama dahulu lagi. Antara bukti yang menunjukkan wujudnya Islam di Nusantara ialah penemuan batu nisan makam Syeikh Abdul Qadir Ibn Husain Syah Alirah, di Langgar Alor Setar, Kedah, tertanda 290 H bersamaan 910 M. Terdapat juga batu nisan yang ditemui di Pekan, Pahang subuh hari Rabu 14 Rabi'ul Awal 429 H; batu nisan yang ditemui di Phanrang, Vietnam tertanda 431 H bersamaan 1039 M; dan batu nisan puteri Sultan Abdul Majid Ibnu Muhammad Syah al-Sulthan tertanda 440 H bersamaan 1048 M di pekuburan Islam, Jalan Residensi, Brunei Darussalam.

Selain itu, turut ditemukan juga batu nisan Fatimah Maimun bt. Hibatullah tertanda 475 H bersamaan 1082 M di Leran Gresik, Jawa Timur. Penemuan prasasti-prasasti tersebut membuktikan agama Islam sudah lama bertapak di Alam Melayu. Bahkan tulisan ini berkembang seiring dengan penyebaran Islam dan berhasil membangun sebuah masyarakat dengan mempunyai kebudayaan seiring dengan Islam (Ismail Hussein, 1984). Penyebaran Islam oleh para pedagang dan pendakwah ke seluruh Kepulauan Melayu dengan menggunakan bahasa Indonesia dan Melayu bersama dengan tulisannya mempercepat lagi proses perkembangan Islam tersebut. Hal ini ditunjukkan juga dengan kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan Melayu Islam yang ulung ketika itu yaitu Samudra Pasai.

Kemudian pada zaman Melaka pun segala kemaslahatan agama dirujuk ke Samudra Pasai. Sedangkan kemunduran Pasai pada awal abad ke-16 digantikan oleh Kerajaan Aceh. Semua ulama dan cerdik pandai yang ada di Samudra Pasai dibawa berpindah ke Kerajaan Aceh.

Bahkan aktivitas penulisan berbagai bahan kesusasteraan diteruskan di sana yang kemuncaknya pada abad ke-17 M ketika munculnya para tokoh seperti Hamzah Fansuri dan Nuruddin ar-Raniri. Ulama dan cerdik pandai dari Parsi juga banyak memberi sumbangan dalam bidang politik, perdagangan, sosial, budaya dan agama Islam itu sendiri, lama kelamaan malah Samudra Pasai terkenal sebagai pusat perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu (T. Iskandar, 2015).

Perkembangan dalam bidang kesusasteraan ini amat pesat karena penulisan karya-karya sastra dalam bahasa Indonesia dan Melayu dengan diiringi tulisan Arab Melayu (Jawi) yang pada masa itu berkembang secara meluas bukan saja dalam kalangan masyarakat bahkan dalam kalangan orang istana (Ismail Hussin, 2014).

Terdapat banyak hasil karya dalam bidang kesusasteraan dan keagamaan diterbitkan dalam tulisan Arab Melayu ini sehingga sangat mempengaruhi bahasa Indonesia dan Melayu dalam segala bidang. Sebut saja seperti, karya *Sejarah Melayu* hasil tulisan Tun Sri Lanang, menjadi salah satu karya sejarah Melayu klasik. Karya ini terkenal sehingga kini dan menjadi bahan rujukan para penyelidik serta cendekiawan. Kerajaan Islam mencapai kejayaannya sehingga abad ke-16 M. Pada ketika itu, tulisan Arab Melayu telah digunakan sepenuhnya dalam urusan pemerintahan di beberapa buah kerajaan Melayu di Nusantara. Misalnya, pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah Melaka (1455-1459 M) dan bahkan zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah, Johor (1623-1677 M) tulisan Arab Melayu telah digunakan pada duit syiling.

Keadaan pada itu, ulama Islam yang ada di Melaka (1409 M) juga telah menggunakan tulisan Arab Melayu sebagai bahasa pertuturan dan sekaligus untuk menulis risalah-risalah agama. Karya sastra Islam seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dan Melayu dari sumber aslinya Parsi pada zaman pemerintahan Samudra Pasai. Selain itu, Suratsurat khabar dan majalah turut menggunakan tulisan ini, antaranya ialah *Nujum al-Fajar* (1872 M), *Jawi Peranakan* (1876 M), *Sekolah Melayu* (1888 M) dan *Majalah al-Munir* yang diterbitkan di Padang, Sumatra Barat. Penggunaan tulisan Arab Melayu juga terdapat di mata uang lama dan baru, seperti yang terdapat pada mata uang kertas di Brunei Darussalam, Cina dan Malaysia.

Selain di Tanah Melayu, tulisan Arab Melayu ini turut berkembang di luar Asia Tenggara seperti Sri Lanka, Melayu Campa, Fattani dan lain-lainnya. Hal demikian terjadi karena bahasa Indonesia dan Melayu digunakan sejak akhir abad ke-18 oleh orang-orang Islam di sana.

Pada tahun 1869 M, surat khabar Melayu bertulisan Arab Melayu yang berjudul *Alamat Langkapuri* pernah diterbitkan di Sri Lanka. Syeikh Ahmad Khatib dan Muhammad Idris al-Marbawi dan Syeikh Abdul Qadir alMandili merupakan antara ulama Nusantara yang belajar di Makkah dan Mesir kemudian menulis beberapa kitab berbahasa Nusantara yang bertulisan Arab Melayu.

Di samping itu, tulisan Arab dijadikan sebagai tulisan Arab Melayu yang turut digunakan oleh para pedagang yang datang ke Melaka dan Semudera Pasai. Hal ini berlaku karena para pedagang perlu mendapat izin dari para pembesar negara dan negeri untuk berurusan bisnis di tempat tersebut. Maka ketika itu, kebanyakan surat izin dan surat jual beli telah ditulis dengan menggunakan bahasa Arab dan tulisan Arab Melayu. Contoh, seperti surat izin dari Sultan Ala'uddin Aceh kepada Kapten Henry Middleton yang tertanda 1011 H/1602 M. Selain itu, terdapat juga surat dari Sultan Aceh kepada seorang Kapten Inggeris yang tertanda 1011 H. Dan masih banyak lagi contoh-contoh lain penggunaan tulisan Arab Melayu ini di merata tempat di Nusantara.

### **Teknik, Bahan dan Metode Pengajaran *Durus al-Lughah al-Arabiyah***

Metode dan teknik pengajaran *Durus al-Lughah al-Arabiyah Li Ghairi Natiqina Biha* berpandukan buku dengan beberapa jilid. Ada versi lama yang dirangkum dalam 3 jilid. Sedangkan buku versi yang baru, disusun dalam 4 jilid. Setiap jilid, memiliki metode dan teknik pengajaran tersendiri, yang dilengkapi dengan panduan pengajarannya masing-masing. Hal ini, merupakan juga diktat penting yang diajarkan melalui perkuliahan yang dilaksanakan di Universitas Islam Madinah, Kerajaan Saudi Arabiyah. Selain itu, metode pembelajaran *Durus al-Lughah al-Arabiyah* ini juga diajarkan di sekolah-sekolah dan kampus-kampus yang sealiran pembelajarannya dengan Universitas Islam Madinah tersebut di seluruh dunia Islam.

Adapun bahan penyerta dalam buku *Durus al-Lughah al-Arabiyah Li Ghairi Natiqina Biha* jilid 1, berisi penjelasan kaidah-kaidah bahasa Arab yang digunakan pada bacaan dan latihan di setiap Bab Pelajaran. Buku ini beserta panduannya dapat digunakan untuk belajar secara individu, berpasangan dan perkumpulan. Tetapi meskipun demikian, tentu saja belajar dengan seorang guru akan jauh lebih baik dari belajar sendiri. Berikut ada beberapa tips dan cara yang dapat dilakukan untuk menjadikan proses pembelajaran ini berkesan, agar penggunaan buku ini lebih efektif dan lebih bermanfaat. Seperti huraian berikut:

**Pertama**, perlu membaca terlebih dahulu percakapan atau bahan bacaan yang ada di setiap bab pelajaran. **Kedua**, perlu mempelajari kaidah-kaidah yang digunakan dengan merujuk kepada panduan yang sudah ditetapkan, kemudian harus menganalisa pola penggunaan tata bahasa (gramatical analysis) dalam setiap bacaan berdasarkan kaidah yang telah dipelajari. **Ketiga**, harus mengerjakan setiap latihan. Disarankan untuk memiliki kunci jawaban untuk mengecek pemahaman terhadap setiap pembahasan, yang dapat diketahui dengan melihat jumlah dan jenis kesalahan yang dilakukan dalam setiap latihan. Berikut beberapa perincian setiap jilidnya, yaitu:

**Table 1** Panduan *Durus al-Lughah al-Arabiyyah*. Jilid. 1-4

<b>Isi Kandungan Pembelajaran <i>Durus al-Lughah al-Arabiyyah</i></b>		
Jilid 1	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Diawali halaman judul.</li> <li>2. Catatan maktabah.</li> <li>3. Kata pengantar.</li> <li>4. <i>Fihriz</i> (Daftar isi).</li> <li>5. Penjelasan tanda, symbol dan istilah gramatikal.</li> <li>6. Perbahasan mengikut, <i>Darsun</i> (Pelajaran) 1 sehingga pelajaran 23.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap Pelajaran dihuraikan sesuai kaedahnya, diberikan <i>gambar, tamarin</i> (latihan) dan <i>kalimah jadidah</i> (kosa kata baru).</li> <li>• Keseluruhan halamannya ada 56.</li> </ul>
Jilid 2	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Diawali halaman judul.</li> <li>2. Catatan maktabah.</li> <li>3. Kata pengantar.</li> <li>4. <i>Fihriz</i> (Daftar isi).</li> <li>5. Pembahasan mengikut, <i>Darsun</i> (Pelajaran) 1 sehingga 29.</li> <li>6. Pembahasan tujuh kelompok tentang klasifikasi fiil.</li> <li>7. Pembahasan lanjut mengikut, <i>Darsun</i> (Pelajaran) 30 sehingga pelajaran 31.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap Pelajaran dihuraikan sesuai kaedahnya, diberikan <i>gambar, tamarin</i> (latihan) dan <i>kalimah jadidah</i> (kosa kata baru).</li> <li>• Keseluruhan halamannya ada 109.</li> </ul>
Jilid 3	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Diawali halaman judul.</li> <li>2. Catatan maktabah.</li> <li>3. Kata pengantar.</li> <li>4. <i>Fihriz</i> (Daftar isi).</li> <li>5. Perbahasan mengikut, <i>Darsun</i> (Pelajaran) 1 sehingga pelajaran 17.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap Pelajaran dihuraikan sesuai kaedahnya, mengikut kaidah l'rab dengan contoh-contohnya, diberikan <i>tamarin</i> (latihan) dan tidak disertai kosa kata baru.</li> <li>• Keseluruhan halamannya ada 74.</li> </ul>
Jilid 4	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Diawali halaman judul.</li> <li>2. Catatan maktabah.</li> <li>3. Kata pengantar.</li> <li>4. <i>Fihriz</i> (Daftar isi).</li> <li>5. Perbahasan mengikut, <i>Darsun</i> (Pelajaran) 1 dan bab sehingga pelajaran 17.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap Pelajaran dihuraikan sesuai kaedahnya, mengikut kaidah sesuai Bab dengan contoh-contohnya, diberikan <i>tamarin</i> (latihan) dan tidak disertai kosa kata baru.</li> <li>• Keseluruhan halamannya ada 90.</li> </ul>

### **Kata Kunci Metode *Durus al-Lughah al-Arabiyyah***

Buku panduan *Durus al-Lughah al-Arabiyyah Arabiyyah Li Ghairi Natiqina Biha* dari jilid 1 sehingga jilid 4. Versi berbahasa Indonesia merupakan terjemahan dari kunci jawaban berbahasa Inggris yang tersedia diambil dari free for personal use (gratis untuk keperluan pribadi). Dalam kunci jawaban/panduan berbahasa Inggris, jilid 3 kunci jawaban digunakan untuk membantu belajar kitab *Durusul Lughah* jilid 3 dan 4 sekaligus. Akan tetapi dalam versi terjemahan bahasa Indonesia, kunci jawabannya dipecah menjadi dua bagian, yakni kunci jawaban jilid 3 dan kunci jawaban jilid 4. Panduan ini disediakan oleh website Raudhatul Muhibbiin, untuk membantu pembelajaran lebih mendalam setiap jilidnya tersebut. Dapat dilihat dalam panduan pembelajarannya melalui: *Durus al-Lughah al-Arabiyyah* 1, 2, 3 dan 4.

### Huruf-huruf Hijaiyah Arab dalam *Durus al-Lughah al-Arabiyah*

Huruf-huruf Arab yang dikenali juga sebagai huruf hijaiyah mempunyai 29 atau 30 huruf. Bilangan hurufnya yang melebihi abjad huruf Latin yang menyebabkan tidak semua huruf Arab itu dapat disepadankan dengan huruf Latin. Abjad Arab bermula dari huruf *alif* dan berakhir dengan huruf *ya*. Terdapat huruf tambahan bagi melengkapkan lambang bunyi *ha* dan *ta marbutah*, sekaligus *ya* dan *ya* tanpa titik. Berikut merupakan huruf Arab tersebut mengikut urutannya.

**Table 2** Huruf Arab Mengikut Urutannya

Huruf-huruf Hijaiyah Arab					
ح	ج	ث	ت	ب	ا
س	ز	ر	ذ	د	خ
ع	ظ	ط	ض	ص	ش
م	ل	ك	ق	ف	غ
ى ي	ء	لا	ة ه	و	ن

Penggunaan huruf-huruf Arab ini sama seperti fungsi huruf Latin. Huruf ini mempunyai 29 atau 30 huruf yang terdiri dari 14 huruf qamariah dan 18 syamsiah. Pada asalnya, huruf Arab ini ada yang mempunyai dua sebutan, termasuk huruf *ta marbutah* (ة) yang kadang juga difungsikan untuk huruf *ha*. Akan tetapi, huruf-huruf tersebut tidak dapat memenuhi kehendak ejaan dalam bahasa asing lainnya yang perlu disesuaikan dengan bahasa setempat. Oleh hal yang demikian, bagi menyelaraskan tulisan Arab dengan ejaan bahasa lain di dunia Islam, maka ada yang menambah beberapa huruf bagi melambangkan bunyi-bunyi asli dalam bahasa penuturnya.

### Perbedaan Huruf-huruf Arab Melayu dalam *Durus al-Lughah al-Arabiyah*

Huruf Arab Melayu yang dikenali juga sebagai huruf Jawi mempunyai 37 huruf. Bilangan hurufnya yang melebihi abjad huruf Latin menyebabkan tidak semua huruf Arab Melayu itu dapat disejajarkan dengan huruf Latin. Abjad Arab Melayu dimulai dari huruf *alif* dan berakhir dengan huruf *nya*. Terdapat enam huruf tambahan hasil ciptaan para cendekiawan Melayu silam bagi melengkapkan lambang bunyi bahasa Indonesia dan Melayu tersebut. Berikut merupakan huruf Arab Melayu tersebut mengikut urutannya.

**Table 3** Huruf Arab Melayu (Jawi) Mengikut Urutannya

Huruf-huruf Arab Melayu (Tulisan Jawi)					
چ	ج	ث	تة	ب	ا
ز	ر	ذ	د	خ	ح
ظ	ط	ض	ص	ش	س
ق	قا	ف	غ	غ	ع
و	ن	م	ل	كا	ك
ث	ى	ي	ء	ة ه	ف



Penggunaan tulisan Arab Melayu ini sama seperti huruf Latin. Tulisan ini mempunyai 37 huruf yang terdiri dari 3 huruf vokal dan 33 konsonan. Pada asalnya, huruf Arab Melayu ini diambil dari huruf Arab yang mempunyai 30 abjad saja, termasuk huruf *ta marbutah* (ة). Akan tetapi, huruf-huruf tersebut tidak dapat memenuhi kehendak ejaan dalam bahasa Indonesia dan Melayu. Oleh hal yang demikian, bagi menyelaraskan tulisan Arab Melayu dengan ejaan bahasa Indonesia atau Melayu, maka orang Melayu telah menambah lima lagi huruf bagi melambangkan bunyi-bunyi asli dalam bahasa Indonesia ataupun bunyi Melayunya.

Huruf-huruf tersebut ialah *ca* <چ> yang dipadankan dengan huruf /c/, *nga* <غ> yang dipadankan dengan huruf /ng/, *pa* <ف> yang dipadankan dengan huruf <p>, huruf *ga* <ك> yang dipadankan dengan huruf /g/ dan huruf *nya* <پ/ن> yang dipadankan dengan huruf /ny/. Seterusnya, pada tahun 1986 menerusi buku *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (PEJYD)* ditambah satu lagi huruf, yaitu huruf *va* <و> bagi melambangkan bunyi [v]. Justeru itulah, bilangan huruf Arab Melayu ini semakin bertambah menjadi sebanyak 37 huruf-hurufnya.

## HURUF VOKAL ARAB MELAYU

Adapun dalam tulisan Arab Melayu terdapat tiga huruf utama yang dipanggil juga sebagai huruf vokal, yaitu huruf *alif* <ا>, menghasilkan bunyi [a] seperti dalam perkataan **ayah**. Huruf yang kedua ialah huruf *wau* <و>, bunyinya [u] seperti dalam perkataan **udang**. Huruf vokal yang ketiga ialah huruf *ya* <ي>, bunyinya [i] seperti dalam perkataan **ikan**. Ketiga-tiga huruf ini mewakili enam huruf vokal Latin seperti: huruf *alif* <ا> mewakili vokal [a] dan [a] awal kata, huruf *wau* <و> mewakili vokal [o] dan [u] tengah dan akhir kata, huruf *ya* <ي> mewakili vokal [i] dan [e], yakni e-taling, pada kedudukan tengah dan akhir kata.

Walau bagaimanapun pada kedudukan awal kata huruf *wau* <و>, huruf ini tidak bisa berbunyi [u] tanpa dibantu oleh huruf *alif* <ا>. Gandengan huruf *alif-wau* barulah dapat menghasilkan bunyi [u]. Contoh, perkataan **udang** akan dieja seperti <اودغ>. Begitu juga halnya dengan huruf *ya* <ي>; huruf ini juga tidak bisa menghasilkan bunyi [i] tanpa dibantu oleh huruf *alif* <ا>, yaitu *alif-ya*. Contoh perkataan **ikan**, akan dieja menjadi <ايكن>.

## Huruf Konsonan Arab Melayu

Selain tiga huruf vokal yang utama, dalam sistem tulisan Arab Melayu terdapat juga 33 huruf konsonan, yaitu huruf selain dari huruf *alif*, *wau* dan *ya*. Konsonan ini terbagi kepada dua kumpulan. Kumpulan yang pertama terdiri dari 18 huruf dan digunakan bagi menulis perkataan-perkataan Indonesia asli atau Melayu jati. Antara hurufnya adalah huruf *ba* <ب>, *ta* <ت>, *jim* <ج>, *dal* <د>, *ra* <ر>, *syin* <س>, *kaf* <ك>, *lam* <ل>, *mim* <م>, *nun* <ن>, *ha* <ه>, *ca* <چ>, *nga* <غ>, *pa* <ف>, *ga* <ك>, *nya* <پ/ن> dan *hamzah* <ء>. Kumpulan huruf yang kedua ialah huruf yang digunakan untuk mengeja dan menulis perkataan dan istilah Arab. Antara hurufnya ialah huruf *tsa* <ث>, *ha* <ح>, *kha* <خ>, *zal* <ذ>, *zai* <ز>, *syin* <ش>, *shad* <ص>, *dhad* <ض>, *tha* <ط>, *za* <ظ>, *ain* <ع>, *ghain* <غ> dan huruf *fa* <ف>, dan *qaf* <ق> (penulisan Latin bunyi huruf tidak mengikut sistem transliterasi Internasional, lihat Muhammad Bukhari Lubis dan Ali Haji Ahmad, 2006).

## Huruf Gubalan Arab Melayu

Huruf Arab Melayu secara umumnya diambil dari hurufhuruf Arab atau juga dikenal dengan huruf hijaiyah, yakni huruf Arab yang berjumlah 30 huruf. Namun, huruf-huruf tersebut tidak dapat melengkapi kebanyakan lambang bunyi dalam pertuturan lisan bahasa Indonesia dan Melayu. Oleh sebab itu, para cendekiawan silam telah mengambil dua 'huruf disesuaikan dari Parsi', yaitu *ca* dan *ga*; di samping cendekiawan Melayu sendiri menggubal beberapa huruf baru seperti *nga*, *pa*, *nya* dan *va*. Keenam-enam huruf tersebut menggunakan "rumah huruf" yang

sudah ada dalam huruf hijaiyah Arab, tetapi diubah sesuai dengan menambahkan titik pada bagianbagian yang tertentu, seperti contoh berikut:

**Table 4** Huruf-huruf Gubalan Arab Melayu (Jawi)

Huruf-huruf Gubalan Arab Melayu (Tulisan Jawi)			
Ha	ح	Ca	چ
Ain	ع	Nga	غ
Fa	ف	Pa	ف
Kaf	ك	Ga	گ
Nun & Ba	ن / ب	Nya	پ / ث
Wau	و	Va	ف

Selain itu, terdapat juga huruf baru yang dipadankan dengan huruf [v], dinamakan *va* [ڤ] (wau bertitik) dan huruf *ye* [ي] istilah *leweh* berarti *imalah* atau *e-taling* <é> *ya* tanpa titik atau *alif al-maqsurah* dalam bahasa Arab yang dipadankan dengan huruf *e-pepet* [a] di akhir kata bagi perkataan-perkataan tertentu seperti *nasionalisme* (ناسيوناليسمي) dan *metode* (ميتودي).

### Huruf Latin dan Padanannya dengan Huruf Arab & Arab Melayu

Huruf Arab Melayu mempunyai bilangan abjad yang lebih banyak berbanding huruf Latin. Oleh karena itu, padanan semua hurufnya dengan huruf Latin bukan satu lawan satu, tetapi ada yang satu lawan dua atau satu lawan tiga dan lain sebagainya. Berikut perincian keseluruhan huruf-huruf Arab Melayu yang mempunyai padanan huruf-huruf tunggal Latin tersebut.

**Table 5** Keseluruhan Huruf-huruf Arab Melayu (Jawi)

Huruf Latin	Huruf Arab Melayu	Huruf Latin	Huruf Arab Melayu
Aa	ا	Aa, Kk, (')	ع
Bb	ب	Gh (gh)	غ
Tt	ت	Ng	غ
Hh, (t)	ة	Ff	ف
Ss, (th)	ث	Pp	ث
Jj	ج	Kk,(q)	ق
C	چ	Kk	ك
Hh (h)	ح	Gg	گ
Kh, kh	خ	Ll	ل
Dd	د	Mm	م
Zz (dh)	ذ	Nn	ن
Rr	ر	Ww, Oo, Uu	و

Zz	ز	Vv	ف
Ss	س	Hh	ه
Sy (sy)	ش	Kk, (')	ع
Ss (s)	ص	Yy, Ii, Ee	ي
Zz	ض	Ye	ى
Tt (t)	ط	Nya	ث
Zz (z)			ظ

Terdapat 18 huruf Arab Melayu saja yang mempunyai padanan huruf tunggal Latin tersebut dan dikenali sebagai padanan huruf jati.

**Table 6** Huruf-huruf Padanan Arab Melayu (Jawi) dengan Huruf Latin (Rumi)

Huruf-huruf Padanan Arab Melayu dengan Huruf Latin (Rumi)			
[p]	ڤ	[b]	ب
[q]	ڤ	[t]	ت
[k]	ڪ	[j]	ج
[g]	ڠ	[c]	چ
[l]	ل	[d]	د
[m]	م	[r]	ر
[n]	ن	[z]	ز
[h]	ه	[s]	س
[v]	ف	[f]	ف

Selain padanan huruf jati, terdapat juga padanan gabungan, yaitu satu huruf Arab Melayu dipadankan dengan dua huruf Latin.

Terdapat 5 huruf Arab Melayu menggunakan padanan jenis ini dalam ejaan Latin yang sekarang mempunyai padanan digraf (dua huruf) Latin, padanan tersebut adalah seperti huruf *ghain* (غ) yang dipadankan dengan huruf [gh], huruf *syin* (ش) yang dipadankan dengan huruf [sy], huruf *kha* (خ) yang dipadankan dengan huruf [kh], huruf *nya* (ث) yang dipadankan sebagai huruf [ny] dan huruf *nga* (ڠ) dipadankan sebagai huruf [ng].

Terdapat juga huruf Arab Melayu yang tidak mempunyai padanan jati dengan huruf Latin karena sebutannya yang berlainan dengan huruf Latin. Terdapat 14 huruf mempunyai padanan Latin lebih dari satu huruf. Huruf-huruf tersebut seperti huruf (s,s) ص, (sy,sh) ش, (z,dh) ذ, (h,h) ح, (h,t) ه, (z,z) ظ, (t,t) ط, (d,dh) ض, (w,o,u) و, (q,k) ق, (k,o,u,e,i,a,') ع, (k,') ء, (th,s) ث, (e,a) ي, dan (y,e,i) ي.

**Table 6** Kesamaan Bunyi Huruf Arab dan Arab Melayu (Jawi)

Kesamaan Bunyi Huruf Arab dan Arab Melayu (Tulisan Jawi)	
Tsa (ث)	Bunyi huruf <i>tsa</i> (ث) dalam sebutan atau lidah Melayu berhampiran dengan bunyi huruf <i>syin</i> (س), maka huruf ini dipadankan dengan huruf [s].
Zal (ذ)	Bunyi <i>zal</i> (ذ) hampir serupa dengan huruf <i>zai</i> (ز), maka huruf ini dipadankan dengan huruf [z].
Shad (ص)	Bunyi hampir dengan <i>syin</i> (س), maka huruf <i>shad</i> (ص) dan <i>syin</i> (س) dipadankan dengan huruf [s].
Dhad (ض)	Bunyi huruf <i>dhad</i> (ض) berada di tengah lingkungan huruf <i>dal-shad</i> , yaitu lebih kepada bunyi <i>dal</i> (د), maka huruf ini dipadankan dengan huruf [d].
Tha (ط)	Disebabkan bunyinya lebih hampir sama dengan huruf [t], tetapi hanya disebut tebal, justru huruf ini dipadankan dengan huruf [t].
Zha (ظ)	Bunyi huruf <i>zha</i> (ظ) mirip kepada makhraj huruf <i>zai</i> (ز) seperti <i>dal</i> (د) dengan <i>dhad</i> (ض), <i>syin</i> (س) dengan <i>shad</i> (ص), <i>ta</i> (ت) dengan <i>tha</i> (ط), huruf ini dipadankan dengan huruf [z].
Ain (ع)	Tempat keluar huruf <i>ain</i> (ع) berhampiran dengan huruf <i>alif</i> (ا), cuma disebut agak sengau (bunyi ke hidung), maka huruf ini dipadankan dengan huruf [a] jika terdapat pada awal perkataan. Jika berada di tengah atau di hujung perkataan, huruf <i>ain</i> (ع) dipadankan dengan huruf [k], yaitu bunyi hentian glotis.

### Metode Pengajaran *Durus al-Lughah al-Arabiyyah* Secara Pembelajaran Online

Metode dan teknik pengajaran *Durus al-Lughah al-Arabiyyah Li Ghairi Natiqina Biha* berpandukan buku dengan beberapa jilid sudah perlu digantikan dengan ebook yang langsung menggunakan versi yang baru, disusun dalam 4 jilid e-book. Setiap jilid, metode dan tekniknya perlu disesuaikan dengan pengajaran sesuai teknologi terkini, yang dilengkapi dengan panduan pengajarannya secara atas talian. Hal ini, merupakan juga sesuatu yang penting diajarkan melalui perkuliahan yang biasanya dilaksanakan secara normal dalam kelas perkuliahan, tetapi karena keadaan pandemi Covid-19 melanda dunia, perlu dipikirkan bagaimana pengajarannya dengan secara virtual dan maya. Selain itu, metode pembelajaran *Durus al-Lughah al-Arabiyyah* ini juga perlu diajarkan secara berkesan dengan mengimbangi kemajuan teknologi terkini.

Adapun bahan pengajaran adalah e-book *Durus al-Lughat-al-Arabiyyah Li Ghairi Natiqina Biha* dari jilid 1 sehingga jilid 4, berisi penjelasan kaidah-kaidah bahasa Arab yang digunakan pada bacaan dan latihan di setiap Bab Pelajaran. Buku ini beserta panduannya dapat digunakan untuk belajar secara individu, berpasangan dan perkumpulan. Tetapi meskipun demikian, tentu saja belajar dengan seorang guru akan jauh lebih baik dari belajar sendiri. Berikut ada beberapa tips dan cara yang dapat dilakukan untuk menjadikan proses pembelajaran ini berkesan, agar penggunaan buku ini lebih efektif dan lebih bermanfaat. Seperti huraian berikut:

**Pertama**, perlu membaca terlebih dahulu percakapan atau bahan bacaan yang ada di setiap bab pelajaran. **Kedua**, perlu mempelajari kaidah-kaidah yang digunakan dengan merujuk kepada panduan yang sudah ditetapkan, kemudian harus menganalisa pola penggunaan tata bahasa (gramatical analysis) dalam setiap bacaan berdasarkan kaidah yang telah dipelajari. **Ketiga**, harus mengerjakan setiap latihan. Disarankan untuk memiliki kunci jawaban untuk mengecek pemahaman terhadap setiap pembahasan, yang dapat diketahui dengan melihat jumlah dan jenis kesalahan yang dilakukan dalam setiap latihan.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, perlu di renungi bahwa sejarah memainkan peranan penting ke arah penggunaan bahasa Arab dalam huruf-huruf Arab Melayu atau Jawi sebagai media perantara dan bahasa komunikasi yang terserap ke bahasa di Asia Tenggara. Pada zaman lampau, bahasa Indonesia dan Melayu menjadi wasilah komunikasi dan perantara ilmu yang dipakai luas sebagai bahasa serantau di Nusantara. Sesiapa saja di Alam Melayu ini tanpa mengira kulit, suku, etnik, budaya, agama, bangsa dan negara maka perlu menguasai tulisan dan bahasanya, sekiranya mereka ingin mengekalkan keberadaannya terutama yang berkaitan dengan agama Islam sebagai agama mayoritas penduduknya.

Kehadiran Agama Islam yang berkembang di Asia Tenggara telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa penting bahkan menjadi titik tolak keberagaman bahasa Indonesia dan Melayu melalui penyerapan-penyerapan yang ada. Selain itu, juga berdampak kepada tulisan Arab Melayu yang secara umumnya terdiri dari 30 huruf yang diambil dari huruf Hijaiyah Arab, tetapi terdapat tambahan huruf yang digubal bagi memenuhi keperluan lambang bunyi bahasa setempat, yaitu huruf *ca*, *nga*, *pa*, *ga*, *nya*, *va* dan *ye* (*ya* tidak bertitik) sehingga menjadikan keseluruhan hurufnya menjadi 37 huruf. Kekalnya penggunaan tulisan Arab Melayu atau Jawi ini di Nusantara dalam penulisan atau pertuturan telah menjadi media penting dalam bahasa dan kesusasteraan yang membayangkan betapa banyaknya perkataan Arab yang terserap ke dalam bahasa Indonesia dan Melayu sehingga kini dengan berbagai gaya dan kaedahnya tersendiri, malahan menjadi bahasa kitab, ilmu dan komunikasi di rantau ini sehingga kini.

Sedangkan kewujudan tulisan Latin muncul karena adanya pengaruh serapan dari bahasa-bahasa Asing dan Eropa lainnya, maka penggunaan bahasa tersebut sedikit banyaknya juga dapat mewarnai tulisan dan ucapan Arab Melayu yang ditulis dari kata-kata serapan Arab tersebut, baik dalam tulisan Latin itu sendiri mahupun tulisan Arab, bahasa Indonesia dan Melayu. Oleh sebab itu, semoga melalui analisis ini mampu mengangkat martabat dan bahasa masyarakat Islam di Nusantara terutama di Indonesia dan Malaysia sebagai alat komunikasi lisan dan tulisan, selain fungsi bahasa ini juga diharapkan dapat memperkuat peranannya di tengahnya kehidupan umat Islam yang majmuk sebagai obor penerang dalam merealisasikan peradabannya yang berbudaya dan bermartabat dari waktu ke waktu.

## PENGHARGAAN

Sebagai ucapan terima kasih atas kesempatan dan peluang yang diberikan oleh Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu (JBKM), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UPSI, kampus-kampus kami sebagai penulis bersama dan juga pengajur. Serta semua pihak yang terlibat. Semoga semua dirahmati dan diberkahi oleh Allah SWT.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an dan Terjemahannya. 2016. Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.  
Andriani. 2015.  
Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Apri Wardana Ritonga et al. *The Use of E-learning as an Online Based Arabic Learning Media for Students*. Virtual Conference on Engineering, Science and Technology (ViCEST) 2020. Journal of Physics: Conference Series 1933 (2021) 012127. IOP Publishing. Doi:10.1088/1742-6596/1933/1/012127.  
Atikah Hassan, Duli Kamit & Evelyn Bangkan Jawi. (2021). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pertukaran Kod dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 40-56.

- Azrizan Abu Bakar & Karim Harun. (2015). Penggunaan Kata Ganti Nama Dialek Kelantan dalam Aplikasi *WhatsApp*. *Jurnal Melayu*, 14(2), 291306.
- Azrizan Abu Bakar & Karim Harun. (2019). Kata-kata Eksklusif Dialek Kelantan dalam Komunikasi Kumpulan *WhatsApp*. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 89(1), 15-28.
- Bagas Tri Nugroho, Nurul Latifatul Inayati dan Mohammad. Zakki Azani. *An Alternative Media of Learning Arabic Language*. Department of Islamic Religious Education, Muhammadiyah University of Surakarta. ISEEDU Volume 4, Nomor 1, May 2020.
- Bausani, Alessandro. (T.th). *Catatan Mengenai Katakata Parsi dalam Bahasa Melayu-Indonesia*. Hamid Algar dan Bukhari Lubis (pent.). Bangi: IBKKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi* (edisi kedua). 2008. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dihin Muriyatmoko, Faisal Reza Pradhana, dan Zaenury Adhiim Musyafa. *Durus Al-Lughah Gontory: Media Pembelajaran Bahasa Arab untuk Pemula Menggunakan Metode Langsung*. *Jurnal Teknologi Informasi dan Ilmu Komputer (JTIK)*. Doi: 10.25126/Jtiik.201961259 Vol. 6 No. 1, Februari 2019, Hlm. 77-84.
- Ensiklopedi Kebahasaan Indonesia*. 2009. Jld 1-4. Bandung: Angkasa.
- Fuad Mat Hassan, Khairul Faizi Ialimi, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. (2020). Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Formal dan Tidak Formal dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 410-427.
- Hamdan Abdul Rahman. 2014. *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. 2009. *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Himpunan Kertas Kerja. 2011. *Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi kali ke-dua*. Kuala Lumpur: UPSI & PNM. <http://www.artikata.com>. 30 September 2021. <http://www.google.com>. 30 September 2021. <http://www.raudhatulmuhibbin.org>. 2 Oktober 2021. <http://www.kalamullah.com>. 2 Oktober 2021.
- <https://pba.umt.ac.id/download-ebook-durusul-lughahal-arabiyyah-pdf-buku-panduan-belajar-bahasaarab/> 1 Oktober 2021.
- <https://islamdownload.net/126661-download-durusullughah-al-arabiyyah-buku-panduan-belajarbahasa-arab/> 1 Oktober 2021.
- Ismail Hussien. 2014. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, Russell (ed. umum). 2008. *Loan-words in Indonesian and Malay*. Jakarta: KITLV dan Yayasan Obor Indonesia.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. 2015. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Makmur Haji Harun dan Muhammad Bukhhari Lubis. 2015. *Analisis penggunaan serapan Arab dalam bahasa Indonesia dan Melayu sebagai bahasa komunikasi: Satu kajian awal*. Makalah Seminar Internasional di Universitas Islam Malang.
- Matlob. 2002. *Pandai Jawi*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Hussein Hj. Baharuddin. 2010. *Sistem Tulisan Jawi*. Serdang: UPM Holdings Sdn. Bhd.
- Muhammad Bukhari Lubis dan Ali Haji Ahmad. 2006. *Transliterasi Kata Arab-Parsi-Turki*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Bukhari Lubis, Makmur Haji Harun dan Alizah binti Lambri. 2014. *Jawi Warisan Warga Alam Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Mentari.
- Muhammad Naquib al-Attas. 2012.
- Nuradlin Syafini Nawi & Zaleha Embong. (2021). Peranan Dialek dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah. *Jurnal Antarabangsa Dasar Sosial dan Masyarakat*, 17(1), 67-86.
- Razliza binti Abd. Rahman. 2006. *Cerdik Jawi: Tahun 4 KBSR*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.

- Syed Muhammad Naguib al-Attas. 2012. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd. Dom (terj). 2010. *Pengembaraan Ibnu Battutah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Tan Boon Chye. 2009. *Cerdik Jawi*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- V. Abdur Raheem. Islamic Foundation Trust. 78, Perambur High Road, Chennai - 600 012. *The Essential Arabic*. (Rafi al-Imad Faynan). India: Goodword Books Pvt. Ltd. 2005.
- Za'ba. 2009. *Rahsia Ejaan Jawi: Edisi Ejaan Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalilah Ahmad. 2005. *Cerdik Jawi: Tahun 2 KBSR*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Zarina Sidek dan Siti Ramilah Abu Najar. 2005. *Cerdik Jawi: Tahun 1 KBSR*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Al-Fauzan, Abdurrahman Ibrahim. *Durus al-Daurat alTadribiyah li al-Mu'allim al-Lughah al-'Arabiyah li Ghairi Nathiqin Biha*. Riyad: Muassasah al-Waqf al-Islami.
- Pohan, Albert Efendi. *Konsep pembelajaran daring berbasis pendekatan ilmiah*. Grobogan: CV. Sarnu Untung, 2020. Rosyidi, Abd Wahab dan Ni'mah, Mamlu'atul. *Pembelajaran Bahasa Arab*. Malang: UIN Maliki Press, 2011.
- Taufik. *Pembelajaran Bahasa Arab MI Metode Aplikatif & Inofatif Berbasis ICT*. Surabaya: PMN, 2011. R. Iswanto, "Pembelajaran Bahasa Arab Dengan Pemanfaatan Teknologi," *Arab. J. Bhs. Arab*, vol. 1, no. 2, pp. 148–152, 2017, doi: 10.29240/jba.v1i2.286.
- C. E. Setyawan and Ahsan, "Arah Perencanaan Pembelajaran Bahasa Arab Abad 21," *J. Komun. dan Pendidik. Islam*, vol. 9, no. 1, pp. 55–82, 2020, doi: <https://doi.org/10.36668/jal.v9i1.133>.
- N. Isnaini and N. Huda, "Pengembangan Media Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab Berbasis Permainan My Happy Route," *Al Mi'yar J. Ilm. Pembelajaran Bhs. Arab dan Kebahasa Araban*, vol. 3, no. 1, pp. 1–14, 2020, doi: 10.35931/am.v3i1.156.
- A. Maskur and P. Anto, "Metode Pembelajaran Bahasa Asing Arab di Pondok Pesantren Modern (Studi Kasus di pondok Pesantren Roudlotul Qurro Cirebon)," *El-Banar J. Pendidik dan Pengajaran*, vol. 01, no. 01, pp. 63–68, 2018, [Online]. Available: <http://ojs.staibanisaleh.ac.id/index.php/ElBanar/article/view/10>.
- L. H. Pimada and M. A. Amrulloh, "Penerapan Media Elektronik Pada Pembelajaran Bahasa Arab," *Lahjah Arab. J. Bhs. Arab dan Pendidik. Bhs. Arab*, vol. 1, no. 2, pp. 120–128, 2020, doi: 10.35316/lahjah.v1i2.819.
- A. G. Yasir, "Efektivitas dan Efisiensi Pembelajaran Bahasa Arab (Studi Pembelajaran Bahasa Arab Dengan Menggunakan Buku Al-Arabiyah Baina Yadaika di Ma'had Abu Bakar. Universitas Muhammadiyah Surakarta)," *J. Ilm. Didakt.*, vol. 20, no. 1, pp. 113–125, 2019, doi: <http://dx.doi.org/10.22373/jid.v20i1.4767>.
- S. N. Fitriani, Syarifah, and A. Susanto, "Pembelajaran Bahasa Arab Interaktif Melalui Media E-Learning Madrasah di MTsN 1 Kota Malang," *Tarbiyatuna J. Pendidik. Ilm.*, vol. 5, no. 2, pp. 159–182, 2020, [Online]. Available: <http://ejournal.kopertais4.or.id/mataraman/index.php/tarbiyatuna/article/view/4206>
- I. Makruf, "Pemanfaatan Teknologi Informasi dan Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Madrasah Aliyah Kabupaten Sukoharjo," *Arab. J. Arab. Stud.*, vol. 5, no. 1, pp. 80–90, 2020, doi: <http://dx.doi.org/10.24865/ajas.v5i1.93>.
- Ali Bakri, M., 2017. Metode Langsung (Direct Method) Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Al-Marāji*, 1(1), pp.1–11.
- Andriani, A., 2015. Urgensi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Pendidikan Islam. *Ta'allum*, 3(1), pp.39– 56.
- Marlina, L., 2016. Efektifitas Metode Langsung Dalam Pengajaran Keterampilan Berbicara Bahasa Arab. *Al-Tsaqafa*, 13(2), pp.211–226.
- Muriyatmoko, D. & Abdullah, A.F., 2017. Aplikasi Tamrin Lughoh (Pembelajaran Bahasa Arab) Pondok Modern Darussalam Gontor Berbasis Mobile. *Semnasteknomedia Online*, [online] 5(1), pp.4–49. Available at: <<http://ojs.amikom.ac.id/index.php/semnasteknomedia/article/view/1745>>.

- Muriyatmoko, D., Farouq Abdullah, A. & Adhiim Musyafa', Z., 2018. Durus Al-Lughah Gontory: Interactive Arabic Mobile Learning for Beginners. *IJITEE (International Journal of Information Technology and Electrical Engineering)*.
- Syafe'i, I., 2017. Pondok Pesantren: Lembaga Pendidikan Pembentukan Karakter. *Al-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(1), pp.85-103.
- Syarifah, 2016. Manajemen Kurikulum Kulliyatul Mu'allimin Al-Islamiyyah di Pondok Modern Darussalam Gontor. *At-Ta'dib*, 11(1), pp.53-72.
- Thu'aimah, R.A., 2001. *Manâhij Tadrîs al-Lughah al-'Arabiyyah bi al-Ta'lîm al-Asâsî*. Kairo: Dâr alFikr al-Arabi.
- Web Journalist, U., 2015. *UNIDA Gontor Memulai Model Pembelajaran Bahasa Arab Online*. [online] UNIDA Gontor. Available at: <<http://unida.gontor.ac.id/unida-gontor-mulaimembuat-model-pembelajaran-bahasa-arabonline/>> [Accessed 9 Oct. 2017].
- Zaid, A.H., 2012. Pendekatan Komunikatif Dalam Pembelajaran Bahasa Arab (Pengalaman Pondok Modern Darussalam Gontor). *At-Ta'dib*, 7(2), p.311.
- Zarkasyi, I. & Syubani, I., n.d. *Durusul Lughah Al'Arabiyyah*. Ponorogo: Trimurti Press.